

17 DEC 2000

GPMS-Pertemuan

TUNTUTAN: GPMS ADAKAN PERTEMUAN DENGAN WAKIL NGO RABU INI

KUALA TERENGGANU, 17 Dis (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) akan mengadakan pertemuan dengan 30 wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan semua pengerusi negeri gabungan itu Rabu ini bagi memperincikan 100 tuntutan yang akan dikemukakan.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Muhamad berkata perbincangan itu dijadual diadakan di ibu pejabat GPMS bagi mendapat pandangan pihak berkenaan mengenai isi kandungan tuntutan itu.

"Pertemuan ini sangat penting sebelum tuntutan itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas 14 Jan depan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

GPMS mengadakan perhimpunan besar-besaran pada Khamis lepas sebagai tindakbalas kepada tuntutan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu).

Syed Anuar berkata perbincangan itu juga bagi menetapkan tarikh untuk mengadakan perhimpunan besar-besaran di seluruh negara jika Suqiu tidak menarik balik tuntutan mereka dalam tempoh sebulan.

Katanya program menjelajah negara bagi memberi penjelasan kepada rakyat berhubung perkara yang dibangkitkan dalam tuntutan Suqiu akan diadakan sebaik 100 tuntutan itu diserahkan kepada Perdana Menteri.

"Semuanya kami akan bincangkan melalui pertemuan itu nanti dan kami tidak akan menarik balik tuntutan selagi Suqiu berdegil dengan pendirian mereka," katanya.

Beliau meminta mana-mana pertubuhan atau individu yang mempunyai semangat perjuangan Melayu supaya turut serta pada pertemuan itu nanti bagi sama-sama memberikan pandangan mengenai langkah seterusnya yang akan diambil oleh GPMS.

Katanya mereka yang berminat untuk menyertai pertemuan yang akan bermula pukul 3 petang itu boleh menghubungi beliau di talian 012-9879482 atau e-mel syedanuar@maxis.net.my.

Syed Anuar berkata memandangkan pertemuan ini adalah tertutup, hanya mereka yang mendaftarkan diri dengannya sahaja akan dipertimbangkan untuk turut serta.

-- BERNAMA  
AYB SBS AKD